

Bahagian Tropikal Jepun

OKINAWA

Panduan Meraikan Pelawat Muslim



OKINAWA

Panduan Meraikan Pelawat Muslim



Wilayah Okinawa, yang terletak di bahagian paling selatan Jepun,
adalah salah satu kawasan peranginan yang paling popular di negara ini.

Keindahan Okinawa yang bertaraf dunia boleh dilihat dengan pantai yang cantik dan banyak tempat menyelam.

Selain itu, budaya Kerajaan Ryukyu, yang diwarisi sejak zaman purba begitu dihargai dan dipelihara.

Budaya ini terbentuk sendiri dengan pengaruh dari budaya tanah besar Jepun dan China,
dan hanya boleh didapati di Okinawa.

Kami di Wilayah Okinawa dan Biro Konvensyen & Pelawat Okinawa sedang berusaha untuk menyebarkan
kepada rakyat negara lain mengenai daya tarikan dan keunikan Okinawa bagi menggalakkan penambahan
walaupun seorang untuk datang melawat Okinawa.

Kami telah bekerjasama dengan badan perniagaan di wilayah ini supaya pelancong Islam boleh
mengunjungi Okinawa dengan selamat dan tenang.

Usaha-usaha ini telah meningkatkan bilangan restoran dan hotel yang mesra Muslim.

Kami amat berharap bahawa sesiapa sahaja yang beragama Islam dapat melihat tulisan dan tarikan berkenaan
Okinawa dalam Buku Panduan ini, dan datang ke sini untuk merasai pengalaman di Okinawa.

Kandungan


P.1 – P.2 Makanan

P.3 – P.4 Pelancongan & Pengalaman

P.5 Alam Semulajadi

P.6 Membeli-belah

P.7 – P.8 Empat Musim di Okinawa



Gambar Akuarium Churaumi



Makanan

Nikmati makanan Halal yang lazat!



**Apabila datang ke Okinawa,
pastikan anda cuba**

Goya Champuru

Goya Champuru adalah sangat popular. Champuru adalah perkataan dari bahasa Okinawa yang bermakna mencampurkan pelbagai bahan-bahan dalam tumisan.

Satu teori mengatakan bahawa perkataan itu berasal dari Indonesia dan Malaysia iaitu "campur" yang bermaksud "mencampur". Budaya Okinawa, yang merupakan campuran budaya dari Asia Tenggara, Jepun, China dan lain-lain, juga dikenali sebagai "Budaya Champuru".



Terdapat juga banyak restoran Jepun yang mesra Muslim!

Okinawa adalah pulau "maguro(tuna) segar." Okinawa adalah salah satu tempat di Jepun yang terkenal kerana jumlah tangkapan tuna yang besar dan kesemua empat spesis tuna di Jepun diangkat di sini. Terdapat restoran kaiten-zushi yang banyak menyediakan tuna. Pastikan untuk mencuba maguro chura-shima Okinawa (tuna pulau cantik)!



Soba Okinawa

Ini adalah makanan tradisi penduduk Okinawa! Terdapat juga soba Okinawa yang tidak mengandungi babi dan alkohol!!



Ramen yang dibuat dengan mi tempatan Okinawa

Ramen asli dengan soba Yaeyama adalah hidangan yang lazat dan mesra halal.

Teppan-yaki



Persembahan yang dilakukan oleh chef pasti menyeronokkan! Malah hidangan sampingan disediakan supaya mesra Muslim.

Shabu-Shabu



Makanan laut segar yang ditangkap di perairan tempatan adalah enak! Anda juga boleh menikmati makanan laut segar yang dipelihara di dalam tangki di dalam kedai kami. Ia sesuai dimakan mentah, atau sebagai Shabu-Shabu. Nikmatilah makanan ini sepasang hati anda.



Taco rice, yang sangat popular di kalangan pelancong, disediakan dengan pilihan sayuran yang lazat, "Vegetarian Taco Rice". Anda juga boleh cuba membuatnya sendiri untuk dinikmati ketika makan tengah hari!



Steak Halal dengan Nasi
Bangunan Terminal Penumpang Antarabangsa Lapangan Terbang Naha mempunyai restoran mesra Islam, yang menyediakan Steak Halal dengan Nasi dan Nasi Chirashi Seafood.



Pertandingan Resipi

Di Okinawa, pertandingan resipi halal dan lain-lain acara seumpamanya telah diadakan. Pemenang dalam bahagian bebas babi dan bebas alkohol adalah "Hidangan Course Mesra Muslim Beserta Sayuran Segar Okinawa."

Pemenang dalam Bahagian Vegetarian "Roll Rumpai Laut Nori dan Salad Pelbagai Sayuran Okinawan Genki" dihidangkan di Vambo Luga di Bandar Urasoe.



Tahun-tahun kebelakangan ini, bilangan restoran mesra halal telah meningkat. Menu di atas adalah makanan tempatan, jadi pastikan anda tidak melepaskan peluang untuk mencubanya.



Pelancongan & Pengalaman

Pengalaman yang menakjubkan dan menyeronokkan menanti anda!



Akuarium Churaumi Okinawa



Cuba buat mochi manis Okinawa (kek beras) sambil beramah mesra dengan penduduk tempatan.

Gula perang dan mochi beni-imo (keladi ungu) dibalut dengan daun Sannin (shell flower) beraroma. Terdapat banyak benda-benda lain untuk dicuba selain membuat mochi.



Bengkel Membuat Pencuci Mulut

Cuba kemahiran anda dalam membuat "Zenbai" gaya halal, makanan tempatan Okinawa! Kelas-kelas memasak menawarkan pelbagai menu, supaya anda boleh merasai pengalaman memasak sesuatu yang anda benar-benar ingin cuba. Hidangan yang anda sediakan sendiri pastinya jauh lebih lazat.



Kelas Kraf Shisa

Buatlah anjing Shisa anda sendiri yang asli dan tidak menyerupai mana-mana yang lain di dunia. Pengajar akan menunjukkan kepada anda caranya, jadi bergembiralah!



Kelas Menenun

Alami tenunan tradisional secara santai dan bebas.



Akuarium Besar yang mengagumkan untuk anda nikmati

Ikan jerung paus akan menyambut kedatangan anda di pintu masuk taman dan di dalam tangki. Kira-kira 2.7 juta orang melawat akuarium ini setiap tahun. Ia adalah tempat utama yang dikunjungi pelancong Jepun ketika melawat Okinawa. Anda pasti tidak mahu terlepas dari mengunjungi akuarium ini!

Akuarium ini adalah tempat tinggal kepada 16,000 ikan dan hidupan laut lain yang berjumlah 780 spesis. Dunia laut di sekitar Okinawa merupakan rekreasi yang indah. Tangki utama "Kuroshio Sea," merupakan salah satu yang terbesar di dunia meliputi 10m dalam, 35m lebar dan 27m panjang, memberikan peluang kepada pengunjung untuk melihat tiga ekor jerung paus 10m dan kumpulan-kumpulan pari manta berenang sekelilingnya. Teater Okichan juga destinasi yang sangat popular di mana pengunjung boleh melihat kelibat ikan lumba-lumba dengan kemampuan olahraga yang menakjubkan.



Pengalaman Menuai Tebu

Tebu tumbuh dengan ketinggian 3 meter. Mahu cuba gunakan sabit sebenar untuk menguji kemahiran anda menuai tebu? Satu gambar anda menebang batang tebu akan menjadi cenderamata terhebat sepanjang perjalanan anda di Okinawa. Dapur juga disediakan supaya anda boleh mendidihkannya untuk dijadikan gula perang. Cairan gula perang yang panas dan baru jadi adalah sangat lazat! Ambil sedikit sebagai cenderahati.



Kolam Air Panas di Selatan Pulau

Cubalah kolam air panas ini yang airnya keluar dari bawah tanah! Terdapat satu kolam besar untuk mandi bercampur dan bersantai selain bilik-bilik peribadi yang disediakan.



Tengok sendiri !!

Terdapat banyak aktiviti untuk dialami di Okinawa! Di Okinawa, budaya yang unik, tidak ditemui di tempat lain di Jepun, telah diturunkan zaman berzaman. Selain dari pengalaman yang telah dikemukakan, di sepanjang tahun, anda boleh juga menikmati pertunjukan tradisional Eisa, persembahan alat muzik tradisional sanshin, seni kraf kaca Ryukyu dibawah kawalan seorang guru, mengambil gambar anda memakai kimono dicelup Bingata iaitu gaya Okinawa yang berwarna gemilang, atau menikmati banyak lagi pengalaman lain yang menyeronokkan. Pastikan untuk keluar ke beberapa daripada banyak tempat yang ada untuk pengalaman yang menakjubkan dan menyeronokkan.



Alam Semula Jadi

Pelbagai aktiviti dan tempat-tempat yang menarik untuk dilihat!



Oh!
Okinawa dipenuhi
alam semulajadi!

Nikmati warna, Irama dan Binaan Okinawa



Terdapat banyak tempat yang indah untuk bergambar! Mengapa tidak datang bersama rakan-rakan untuk melawat beberapa tempat sambil mengambil gambar? Terdapat juga banyak pantai yang indah di sekitar Okinawa.



Sakura di Okinawa



Di Wilayah Okinawa, bunga sakura mula mekar lebih awal daripada tempat-tempat lain di Jepun. Tapak Istana Nakijin, yang merupakan salah satu Tapak Warisan Dunia, adalah tempat yang terkenal untuk melihat bunga sakura. Bunga sakura hanya mekar untuk tempoh yang singkat dalam setahun, dan lebih indah dilihat apabila diterangi pada waktu malam! Sila lihat dan rasai sendiri sejarah Okinawa!

Tengok sendiri !!

Sebut Okinawa pasti terlintas laut yang indah dan bertaraf dunia. Terdapat juga pantai yang boleh ditempah. Semasa di Okinawa, anda boleh berbarbeku di pantai, berenang dengan pakaian renang Muslim, dan menikmati laut Okinawa sepuas hati anda.



Sembilan Tapak Warisan Dunia

Di Okinawa, tapak istana dan taman-taman yang memainkan peranan penting semasa zaman kerajaan Ryukyu telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia. Pastikan anda singgah di Istana Shurijo untuk melihat kuil Seiden, yang telah direka dengan indah mengikut gaya Ryukyu, menggabungkan aspek budaya seni bina Jepun, dalam suasana Forbidden City seperti di China.



Membeli-belah

Jangan lupa cenderahati untuk keluarga dan rakan-rakan!



Jalan Utama di Kokusai Dori Street Okinawa

Jalan ini dipenuhi dengan kedai-kedai makan, kedai cenderamata dan kedai-kedai runcit. ia adalah salah satu tempat pelancongan yang utama untuk membeli-belah dan bersiar-siar. Terdapat juga arked membeli-belah yang boleh dikunjungi pada hari hujan.



Baju-T Uminchu (Nelayan) Sandal Okinawa

Baju-T dicetak dengan motif dan watak-watak Okinawa, dan sandal Okinawa diukir dengan kata-kata atau reka bentuk kesemaran anda. Anda boleh hasilkan reka bentuk sendiri menjadikannya hanya satu di dunia!



Aiskrim Blue Seal

Lahir di Amerika, dikembangkan di Okinawa, Aiskrim Blue Seal adalah kegemaran penduduk tempatan dan popular di kalangan pengunjung. Pilih perasa anda sendiri menggunakan piktogram.



Tart Beni Imo

Cenderamata yang sangat popular yang mengekalkan kelazatan keladi beni imo di dalam manisan.



Kosmetik Okinawa

Okinawa mempunyai banyak kosmetik semulajadi yang dihasilkan daripada tumbuhan.



Tengok sendiri !!

Selain Mihama American Village, Okinawa mempunyai banyak tempat untuk membeli-belah seperti AeonMall Rycom, pasar awam dan daerah membeli-belah. Di dalam pusat membeli-belah dan kawasan-kawasan tertentu, ada disediakan surau. Apa kata kalau nikmati percutian membeli-belah yang santai?



Musim bunga Pada bulan April, pantai dibuka! Anda boleh berenang di pantai. Pesta Ryukyu Kaiensai, yang merupakan perayaan bunga api tertua di Jepun, juga diadakan pada bulan April. Ia menggabungkan tradisi bunga api Jepun dengan alam semula jadi dan budaya Okinawa.



Empat musim di Okinawa



Musim panas Pada bulan Mei, perlumbaan bot "Hari" diadakan, di mana pasukan bersaing untuk menentukan siapa paling pantas berdayung. Acara tradisional ini, yang telah berterusan sejak zaman kerajaan Ryukyu, merupakan pemujaan supaya mendapat tangkapan yang banyak dan selamat di laut. Bot berhias yang berwarna-warni dengan motif naga begitu memikat hati akan bersaing dengan gagah. Musim panas adalah masa untuk melakukan aktiviti-pelancongan pantai dan laut di Okinawa! Pesta bunga api adalah detik keriangan musim panas bagi orang-orang Jepun. Setiap tahun dari akhir bulan Ogos hingga awal September, Perayaan Okinawa Zento Eisa diadakan, ia merupakan acara terbesar bagi persembahan tarian tradisional Eisa di Okinawa. Diiringi gema paluan gendang, kumpulan dari masyarakat seluruh pulau yang berpakaian warna-warni akan mempersembahkan tarian secara bergilir. Begitu mempesona penglihatan dan pendengaran.



Panduan cuaca Okinawa sepanjang tahun

Iklim di Okinawa adalah panas sepanjang tahun kerana ia terletak di kawasan subtropika Jepun.

Januari	Februari	Mac	April	Mei
☀ 07:18 – 18:03	☀ 07:02 – 18:25	☀ 06:33 – 18:41	☀ 06:01 – 18:56	☀ 05:40 – 19:12
Purata 16.8°C	Purata 17.9°C	Purata 18.4°C	Purata 20.9°C	Purata 23.6°C
▲ 23.5°C ▼ 10.6°C	▲ 24.1°C ▼ 11.7°C	▲ 26.1°C ▼ 12.0°C	▲ 27.2°C ▼ 14.0°C	▲ 30.1°C ▼ 17.3°C

Bunga sakura

Pembukaan pantai

Musim hujan

Musim luruh Pada awal musim luruh, anda masih boleh berenang dan melakukan aktiviti laut. Acara utama pada bulan Oktober apabila suhu menjadi nyaman adalah tarik tali Great Tug-of-War. Pertandingan ini telah berterusan sejak abad ke-15 merupakan upacara sembahyang memohon kesihatan dan keamanan. Tali yang digunakan adalah sepanjang 200m dari timur ke barat. Ini merupakan acara besar-besaran di mana kira-kira 15,000 orang mengambil bahagian. Di Istana Shuri, "Sambutan pertengahan Musim Luruh" diadakan untuk mengimbau sambutan utusan dari Maharaja Cina dengan tarian tradisional.



Musim sejuk Musim sejuk di Okinawa dipenuhi dengan bunga. Bunga yang paling popular di Jepun ialah sakura. Sekitar akhir bulan Januari di sebuah kawasan di bahagian utara pulau utama Okinawa yang dikenali sebagai Yanbaru, bunga sakura akan mekar paling awal di Jepun. Bunga sakura ini adalah dari jenis Formosan Cherry Tree, dan pengunjung boleh melihat warna yang pelbagai dari pic muda ke merah jambu terawal. Di Yae dalam bandar Motobu, festival untuk meraikan bunga sakura terawal di Jepun diadakan. Ramai pemintat berkumpul di sini untuk melihat bunga sambil menjalin persahabatan. Ada banyak lagi pesta bunga yang diadakan di Okinawa, seperti Pameran Sejarah Orchid Antarabangsa Okinawa. Satu marathon utama diadakan setiap tahun di Naha di mana lebih daripada 25,000 pelari mengambil bahagian. Menonton ikan paus juga merupakan tarikan semasa musim sejuk dan ramai orang menanti peluang untuk melihat ikan paus menyembur dan meluncur di sepanjang permukaan.



Jun	Julai	Ogos	September	Oktober	November	Disember
☀ 05:37 – 19:24	☀ 05:49 – 19:22	☀ 06:04 – 19:01	☀ 06:17 – 18:28	☀ 06:31 – 17:57	☀ 06:51 – 17:38	☀ 07:12 – 17:42
Purata 26.9°C	Purata 29.3°C	Purata 28.7°C	Purata 28.8°C	Purata 25.4°C	Purata 22.6°C	Purata 17.6°C
▲ 32.5°C ▼ 20.4°C	▲ 33.9°C ▼ 23.8°C	▲ 33.1°C ▼ 23.9°C	▲ 33.3°C ▼ 25.0°C	▲ 32.0°C ▼ 20.7°C	▲ 28.4°C ▼ 17.4°C	▲ 24.6°C ▼ 12.0°C

Musim hujan

Musim taufan

Penutupan pantai



<http://visitokinawa.jp>

@visitokinawajapan
#Beokinawa #visitokinawa



Tahun dikeluarkan: 2018.3